

8.0: ALIRAN PUSINGAN PENDAPATAN

Sebelum kita membincangkan aliran pusingan pendapatan, adalah lebih baik kita mengenalpasti pelaku-pelaku atau agen-agen ekonomi yang terlibat dalam aliran pusingan pendapatan ini.

8.1: Pelaku kegiatan ekonomi.

Jika kita lihat di dalam kegiatan ekonomi di mana-mana tempat, kawasan dan negara, mereka yang terlibat adalah terdiri daripada

- a. individu pengguna atau disebut juga sebagai isi rumah
- b. pengeluar atau disebut sebagai firma
- c. kerajaan.

8.1.1: Isi rumah:

8.1.1.1: Definisi:

Isi rumah didefinisikan sebagai semua orang yang tinggal di bawah satu bumbung rumah dan membuat keputusan bersama untuk kepentingan mereka. Maka, isi rumah boleh dimaksudkan sebagai seorang individu ataupun satu keluarga, termasuk bapa, ibu dan anak-anak yang mana keputusan berbelanja adalah dibuat oleh ketua keluarga – lazimnya bapa. Andaian di sini ialah isi rumah ini adalah berkelakuan konsisten apabila ber-hadapan dengan masalah membuat pilihan dan ia juga bebas dalam membuat keputusan. Dalam lain perkataan isi rumah ini adalah bertindak sebagai pengguna dan ia adalah merupakan agen atau pelaku asas dalam kegiatan ekonomi.

8.1.1.2: Peranan isi rumah dalam kegiatan ekonomi.

- a. Isi rumah sebagai pemilik faktor-faktor pengeluaran seperti buruh, modal, tanah dan keusahawanan.
- b. Isi rumah akan menjual semua faktor-faktor pengeluaran ini kepada firma untuk digunakan dalam sesuatu proses pengeluaran barang dan perkhidmatan. Sebagai pulangan, isi rumah ini akan mendapat bayaran dalam bentuk upah bagi buruh, sewa bagi tanah, faedah bagi modal dan keuntungan bagi keusahawanan.
- c. Isi rumah ini pula akan membelanjakan pendapatannya ke atas barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh firma atas tujuan untuk memaksimumkan kepuasan atau utilitinya.

8.1.2. Firma

8.1.2.1: Definisi:

Firma didefinisikan sebagai unit yang membuat keputusan berkaitan dengan penggunaan faktor-faktor pengeluaran dalam sesuatu proses pengeluaran barang dan perkhidmatan.

8.1.2.2: Peranan firma dan kegiatan ekonomi.

- a. Firma akan membeli semua faktor-faktor pengeluaran seperti buruh, modal, tanah dan keusahawanan dari sektor isi rumah atau pengguna untuk digunakan dalam satu proses pengeluaran barang dan perkhidmatan. Sebagai pulangan kepada sektor isi rumah, firma ini akan membayarnya dalam bentuk wang iaitu upah bagi buruh, sewa bagi tanah, faedah bagi modal dan keuntungan bagi keusahawanan.
- b. Firma menjalankan kegiatan pengeluaran barang dan perkhidmatan dan menawarkannya kepada ekonomi. Isi rumah dan kerajaan akan membuat pembayaran kepada firma dalam bentuk wang dari menggunakan barang dan perkhidmatan ini.
- c. Semua kegiatan pengeluaran yang dilakukan oleh firma ini adalah bertujuan untuk memaksimumkan keuntungannya.

8.1.3: Kerajaan.

8.1.3.1: Definisi:

Kerajaan di sini didefinisikan sebagai agen-agen kerajaan dan badan-badan yang dilantik atau dikawal secara langsung oleh kerajaan. Di Malaysia badan-badan ini termasuklah kerajaan persekutuan, kerajaan-kerajaan negeri, badan-badan berkanun, Majlis-Majlis tempatan dan anak-anak syarikat milik kerajaan. Dalam lain perkataan, badan-badan kerajaan ini adalah satu badan, agensi atau institusi yang mempunyai kuasa politik dan undang-undang dalam mengawasi pelaku-pelaku ekonomi secara individu dan juga kumpulan.

8.1.3.2: Peranan kerajaan dalam kegiatan ekonomi.

- a. Kerajaan akan mengenakan cukai kepada isi rumah atau pengguna dan firma. Cukai-cukai ini adalah dalam bentuk cukai pendapatan, cukai jualan, cukai perkhidmatan, cukai import, cukai eksport dan belbagai-bagai lagi jenis cukai. Kutipan dari cukai ini adalah merupakan satu sumber pendapatan terpenting kepada kerajaan.

BAB 1: PENGENALAN KEPADA EKONOMI

- b. Kerajaan juga akan memberi subsidi kepada isi rumah bagi membolehkan isi rumah memperoleh pendapatan yang lebih baik (terutama kepada golongan yang berpendapatan rendah). Seperti di Malaysia, kerajaan telah memberi bantuan dalam bentuk elaun sebanyak RM250.00 sebulan kepada kumpulan nelayan, subsidi buku teks kepada pelajar-pelajar sekolah, bantuan sara hidup kepada kumpulan fakir miskin dan banyak lagi bantuan-bantuan yang diberi kepada rakyat miskin. Bagi firma pula, subsidi ini akan membolehkan firma mengurangkan kos pengeluaran ke atas barang dan perkhidmatan yang dilakukannya. Sebagai contoh pada setiap tahun kerajaan Malaysia telah memperuntukkan sebanyak lebih dari RM200 juta dalam bentuk subsidi baja dan benih kepada petani padi dan pekebun kecil getah dan kelapa sawit.
- c. Melibatkan secara langsung dalam mengeluarkan sesuatu barang dan perkhidmatan, terutama dalam mengeluarkan barang awam seperti pembinaan jalan raya di kawasan bandar dan luar bandar, membina sekolah dan pusat-pusat kesihatan, angkatan tentera dan polis dan banyak lagi yang lain.
- d. Objektif utama kegiatan kerajaan dalam ekonomi adalah untuk meningkatkan tingkat kebajikan rakyat negara tersebut.

Ketiga-tiga pelaku ekonomi ini akan bertindak diantara satu sama lain untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan dalam sesebuah ekonomi/negara.

8.2: ALIRAN FIZIKAL DAN ALIRAN WANG DALAM ALIRAN PUSINGAN PENDAPATAN

8.2.1: MODEL EKONOMI DUA SEKTOR.

Dalam membincangkan aliran pusingan pendapatan, untuk membolehkan kita dapat memahami dengan mudah, kita bermula dengan melihat model ekonomi yang paling mudah sekali, iaitu

- di bawah model ekonomi dua sektor, yang bermaksud bahawa pelaku-pelaku atau agen-agen ekonomi adalah terdiri daripada isi rumah atau pengguna dan pengeluar atau firma sahaja.
- Ekonomi adalah dibawah sistem ekonomi pasaran bebas, iaitu tiada campur tangan kerajaan.

Seperti yang telah diterangkan di bawah sistem ekonomi pasaran bebas, bahawa semua pelaku atau agen-agen ekonomi adalah terdiri daripada isi rumah atau pengguna dan pengeluar atau firma. Kedua-dua agen ekonomi bertindak bebas dengan atas tujuan utama masing-masing iaitu bagi isi rumah atau pengguna

BAB 1: PENGENALAN KEPADA EKONOMI

ialah untuk memaksimumkan kepuasan atau utiliti, dan bagi firma atau pengeluar, mereka berusaha untuk memaksimumkan keuntungan-nya.

Kedua, dalam sistem ekonomi pasaran bebas, satu ciri utamanya ialah isi rumah (pengguna) adalah merupakan tuannya atau pemilik faktor-faktor pengeluaran, seperti buruh, tanah, modal dan keusahawanan. Firma pula adalah agen atau pelaku ekonomi yang menjalankan operasi pengeluaran barang dan perkhidmatan. Barang-barang dan perkhidmatan ini akan dibeli oleh isi rumah atau pengguna ini untuk digunakan oleh mereka bagi membolehkan mereka hidup. Ini bererti terdapat dua bentuk aliran di antara kedua-dua agen atau pelaku ekonomi ini.

- i. Aliran dalam bentuk fizikal, iaitu dalam bentuk barang atau perkhidmatan.
 - dari sektor isi rumah (pengguna) ke sektor firma ialah dalam bentuk buruh, tanah, modal dan keusahawanan.
 - dari sektor firma ke sektor isi rumah (pengguna) ialah dalam bentuk barang dan perkhidmatan.
- ii. Aliran dalam bentuk wang, iaitu
 - dari sektor firma ke isi rumah (pemilik faktor) adalah dalam bentuk upah bagi buruh, sewa bagi tanah, faedah bagi modal dan untung bagi keusahawanan.
 - Dari sektor isi rumah (pengguna) ke sektor firma adalah dalam bentuk wang tunai sebagai bayaran di atas pembelian barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh firma.





Rajah 1.13: Aliran pusingan pendapatan dalam model dua sektor ekonomi dan di bawah sistem ekonomi pasaran bebas

Gambar rajah 1.13 menunjukkan terdapat dua sektor ekonomi iaitu pertama sektor isi rumah dan kedua sektor firma. Sektor isi rumah adalah merupakan pembekal faktor-faktor pengeluaran – buruh, tanah, modal dan keusahawanan kepada sektor firma, dan faktor-faktor pengeluaran ini akan digunakan oleh sektor firma untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan. Ini bererti bahawa aliran yang mengalir dari sektor isi rumah ke sektor firma ini adalah dalam bentuk fizikal, iaitu seperti jumlah buruh yang digunakan, luas tanah yang disewa, jumlah modal yang digunakan dan tenaga usahawan yang terlibat. Sektor firma pula merupakan pembekal barang dan perkhidmatan yang akan digunakan sebagai barang penggunaan oleh sektor isi rumah. Ini bererti bahawa aliran yang mengalir dari sektor firma ke sektor isi rumah ini juga adalah dalam bentuk fizikal.

Kedua, terdapat dua bentuk pasaran, pertama ialah pasaran faktor. Di pasaran faktor inilah yang akan menentukan upah bagi buruh, sewa yang dibayar di atas penggunaan tanah, faedah di atas penggunaan modal dan keuntungan yang akan diperolehi oleh usahawan. Ini bererti bahawa apabila faktor-faktor pengeluaran yang mengalir dari sektor isi rumah ke sektor firma ia mestilah terlebih dahulu melalui pasaran faktor. Maka dari penggunaan faktor-faktor tersebut firma akan dikehendaki untuk membuat pembayaran dalam bentuk wang kepada sektor isi rumah, iaitu dalam bentuk upah, sewa, faedah dan untung.

BAB 1: PENGENALAN KEPADA EKONOMI

Ketiga, ialah pasaran barang. Barang-barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh sektor firma akan memasuki pasaran barang ini bagi menentukan harga ke atas barang yang dikeluarkan oleh firma tersebut. Selepas harga barang itu ditentukan ia akan mengalir masuk ke sektor isi rumah, dan bagi membolehkan isi rumah atau pengguna menggunakan barang dan perkhidmatan ini. Isi rumah akan membayar dengan wang di atas harga atau nilai barang tersebut kepada sektor firma. Maka dari urusan ini, akan berlakulah pengaliran wang dari sektor isi rumah ke sektor firma.

Untuk menjelaskan aliran pusingan pendapatan ini, cuba kita ambil contoh bahawa sektor isi rumah ini diwakili oleh sebuah keluarga, katakan nama keluarga tersebut ialah Keluarga Bahagia. Jumlah ahli keluarga ialah seramai 100 orang. Di kampung itu juga terdapat sebuah kilang perabot – Kilang Perabot Murni - yang dimiliki oleh salah seorang daripada ahli keluarga tersebut yang bernama Amir.

Berdasarkan contoh ini bererti bahawa Keluarga Bahagia ini akan membekalkan tenaga buruh, sejumlah luas tanah yang diperlukan untuk membina kilang perabot tersebut, sebahagian ahli Keluarga Bahagia ini akan mengeluarkan modal kepada kilang ini dan Amir (salah seorang daripada penduduk Keluarga Bahagia) ini akan menjadi usahawan. Ahli Keluarga Bahagia ini juga akan menyediakan bahan-bahan mentah lain yang akan digunakan dalam pengeluaran perabot tersebut. Dalam lain perkataan, Keluarga Bahagia ini telah menyediakan semua faktor-faktor (dalam bentuk fizikal - dalam bentuk unit) yang akan digunakan oleh Kilang Perabot Murni dalam mengeluarkan perabot.

Bagi menentukan berapakah upah yang harus dibayar kepada buruh, sewa yang harus dibayar di atas penggunaan tanah, faedah yang perlu dibayar di atas penggunaan modal dan jumlah keuntungan yang dibayar kepada usahawan, semua faktor-faktor ini akan memasuki satu pasaran yang dinamakan *pasaran faktor*. Cuma kadang kala pasaran faktor ini tidak nampak dengan jelas dengan mata kasar kita. Lazimnya kita boleh mengatakan bahawa pasaran faktor ini adalah dalam bentuk maya (tidak nampak), tetapi kita tahu ia ada, misalnya kadar upah buruh kasar (buruh tidak mahir) ialah sebanyak RM650.00 sebulan, sewa tanah seluas 1 ekar adalah sebanyak RM1,000.00 sebulan, faedah kepada modal ialah sebanyak 10.0% setahun, dan sebagainya.

Pasar kedua ialah pasar barang. Seperti contoh di atas, pasar barang yang dimaksudkan di sini ialah pasar perabot, atau kedai perabot. Apa yang berlaku ialah apabila kilang perabot Murni mengeluarkan perabotnya, perabot-perabot ini akan diletakkan di kedai perabot, katakan kedai perabot ini dikenali sebagai Kedai Perabot Mutiara. Orang ramai atau pengguna atau isi rumah, apabila ingin membeli perabot, mereka *tidak* akan pergi ke kilang perabot Murni, tetapi

BAB 1: PENGENALAN KEPADA EKONOMI

mereka akan pergi ke kedai perabot Mutiara. Di sinilah berlakunya tawar-menawar ke atas barang perabot yang dikeluarkan oleh Kilang Perabot Murni tadi. Maka jika harga dipersetujui, maka isi rumah tadi akan membayar kepada kedai perabot Mutiara, dan kemudian kedai perabot Mutiara ini akan membuat pembayaran kepada kilang. Jadi di sini bagi **pasar barang** kita nampak kewujudannya dengan jelas. Di situlah penentuan harga ke atas barang keluaran kilang tadi ditentukan.

Maka jika lihat dalam bentuk aliran pendapatan bagi masyarakat ini, kita akan dapati seperti dalam gambar rajah 1.14.

Berdasarkan kepada gambar rajah 1.14, kita dapat simpulkan bahawa terdapat dua bentuk aliran. Pertama ialah aliran daripada sektor isi rumah atau Keluarga Bahagia ke sektor firma, iaitu kilang Perabot Murni. Aliran yang berlaku di sini adalah dalam bentuk fizikal, iaitu dalam bentuk jumlah buruh, tanah, modal dan keusahawanan – atau disebut sebagai faktor-faktor pengeluaran. Faktor-faktor ini akan memasuki pasaran faktor terlebih dahulu sebelum ia memasuki sektor firma (Kilang Perabot Murni). Kedua ialah aliran daripada sektor firma – Kilang Perabot Murni – ke sektor isi rumah – Keluarga Bahagia. Aliran ini adalah dalam bentuk wang tuani iaitu dalam bentuk upah, sewa, bunga dan keuntungan yang ditetapkan oleh pasaran faktor tadi.

Aliran daripada kilang ke keluarga Bahagi pula terdapat juga dalam dua bentuk. Pertama ialah dalam bentuk fizikal, iaitu dalam bentuk barangan perabot yang dikeluarkannya dan akan dijual kepada ahli keluarga Bahagia. Barangan ini akan memasuki pasaran barang terlebih dahulu untuk ditentukan harga atau nilai barang tersebut. Aliran kedua ialah dalam bentuk nilai barang (wang) yang mengalir daripada ahli keluarga Bahagian ke sektor firma – kilang perabot Murni. Nilai barang ini adalah merupakan nilai barang yang dibeli oleh ahli keluarga tersebut.





Rajah 1.14: Contoh aliran pusingan pendapatan bagi dua sektor.

8.2.2: MODEL EKONOMI TIGA SEKTOR (SISTEM EKONOMI CAMPURAN)

Di bawah sistem ekonomi campuran, pelaku atau agen-agen ekonomi adalah terdiri daripada isi rumah, firma dan kerajaan. Aktiviti-aktiviti kerajaan ini akan memberi kesan ke atas aliran pusingan pendapatan, iaitu melalui penyaluran keluar pendapatan iaitu dengan mengenakan cukai dan penyaluran masuk iaitu melalui suntikan perbelanjaan kerajaan ke atas barang dan perkhidmatan.

a. Cukai (T)

Cukai adalah merupakan **bocoran** kepada aliran pusingan pendapatan. Jika kerajaan mengenakan cukai kepada firma, maka sebahagian daripada pendapatan firma tidak boleh disalurkan kepada isi rumah, iaitu jumlah cukai yang dibayar oleh firma ini tidak boleh digunakan untuk membeli faktor-faktor pengeluaran. Begitu juga sebaliknya, jika kerajaan mengenakan cukai kepada isi rumah atau pengguna, seperti cukai pendapatan, maka sebahagian daripada pendapatan isi rumah ini tidak boleh disalurkan kepada firma iaitu dalam bentuk pembelian barang dan perkhidmatan.

BAB 1: PENGENALAN KEPADA EKONOMI

Berdasarkan kepada belanjawan 2010 yang telah dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri yang juga merupakan Menteri Kewangan Malaysia pada 23 Oktober 2009, kerajaan Malaysia telah mengutip cukai daripada syarikat dan perseorangan sebanyak RM177.8 bilion.. Sumber kutipan cukai ini adalah seperti berikut;

Jadual 1.3:

Sumber kutipan cukai bagi tahun 2009

Bil	Jenis cukai	Jumlah cukai di kutip (RM billion)
1	Cukai pendapatan	73.0
2	Lain-lain bentuk cukai	48.1
3	Lain-lain cukai tak Langsung	24.4
4	Cukai eksport	15.2
5	Cukai import	17.1
	Jumlah	177.8

Sumber: Laporan ekonomi 2009

Ini bererti bahawa pada tahun 2009, jumlah bocoran daripada aliran pusingan pendapatan Malaysia adalah berjumlah RM177.8 bilion. Sumber cukai yang paling besar ialah merupakan cukai pendapatan – iaitu cukai pendapatan individu atau pengguna dan cukai pendapatan syarikat atau firma, iaitu merupakan 41.1 peratus daripada jumlah cukai yang dikutip. Jenis cukai yang kedua terbesar ialah lain-lain cukai dan cukai tak langsung, seperti cukai jualan dan cukai perkhidmatan, yang mana masing-masing berjumlah RM48.1 dan RM24.4. atau bersamaan dengan RM72.5 bilion, atau 40.7 peratus.

b. Perbelanjaan kerajaan (G)

Perbelanjaan kerajaan adalah merupakan **suntikan** kepada aliran pusingan pendapatan. Perbelanjaan kerajaan ini adalah dalam bentuk pertama, pembelian barang dan perkhidmatan dari firma-firma, dan kedua, ialah pembelian faktor-faktor pengeluaran, seperti buruh, tanah, modal daripada isi rumah. Ini bererti bahawa perbelanjaan kerajaan ini akan meningkatkan pendapatan firma dan juga isi rumah atau pengguna. Perbelanjaan kerajaan yang ketiga adalah dalam bentuk **bayaran pindahan**, iaitu seperti bayaran pencen kepada bekas kakitangannya.

Dalam belanjawan 2010 yang lepas, perbelanjaan kerajaan ini di bahagikan kepada dua, pertama ialah perbelanjaan mengurus, sebanyak RM138.3 bilion, dan kedua ialah perbelanjaan pembangunan sebanyak RM53.2 bilion. Pecahaan perbelanjaan adalah seperti berikut;

BAB 1: PENGENALAN KEPADA EKONOMI

Jadual 1.4:
Jumlah Perbelanjaan Mengurus kerajaan Malaysia 2010

Bil	Jenis perbelanjaan	Jumlah
1	Emolumen	RM42.2 bilion
2	Perkhidmatan dan bekalan	RM20.8 bilion
3	Pemberian dan kenaan bayaran tetap	RM73.9 bilion
4	Pembelian asset	RM524 juta
5	Perbelanjaan lain	RM800 juta
	Jumlah	RM 138.3 bilion

Sumber: Utusan Malaysia 24-10-2009

Jadual 1.5:
Jumlah Perbelanjaan Pembangunan kerajaan Malaysia 2010


Bil	Jenis perbelanjaan	Jumlah
1	Infrastuktur, perindustrian, pertanian dan pembangunan luar Bandar	RM25.4 bilion
2	Sektor sosial	RM20.3 bilion
3	Pentadbiran	RM1.8 bilion
4	Simpanan luar jangka	RM2.0 bilion
5	Pembangunan sektor swasta	RM3.7 bilion
	Jumlah	RM53.2 bilion

Sumber: Utusan Malaysia 24-10-2009

Maka bentuk aliran pusingan pendapatan dalam sistem pasaran ekonomi campuran adalah seperti di gambar rajah 1.15

Berdasarkan kepada gambar rajah 1.15, dapat dilihat bahawa dalam aliran pusingan pendapatan ini terdapat 3 pelaku atau agen-agen ekonomi, iaitu pertama, isi rumah, kedua firma dan ketiga ialah kerajaan. Seperti di gambar rajah 1.12, aliran daripada **isi rumah ke firma** ialah dalam bentuk penggunaan ke atas barang-barang dan perkhidmatan. Kedua, aliran daripada **firma ke isi rumah** pula adalah dalam bentuk pembelian faktor-faktor pengeluaran





Satu lagi sektor yang wujud dalam aliran pusingan pendapatan di bawah sistem ekonomi campuran (ekonomi tiga sektor) ialah **sektor kerajaan**. Aliran daripada sektor kerajaan ini terbahagi kepada dua, iaitu aliran ke dan dari sektor isi rumah (pengguna). Aliran ini adalah dalam bentuk pembelian faktor-faktor pengeluaran yang dimiliki oleh sektor isi rumah seperti buruh dan tanah. Sektor akan memberi peluang pekerjaan kepada buruh-buruh dan menyewa tanah-tanah untuk kegunaan mereka. Sebaliknya, sektor isi rumah ini juga akan terpaksa membayar cukai kepada kerajaan, cukai-cukai ini seperti cukai pendapatan, cukai perkhidmatan dan cukai jualan.

Aliran kedua dari sektor kerajaan ialah ke sektor firma. Aliran ini adalah dalam bentuk perbelanjaan kerajaan ke atas pembelian barang-barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh sektor firma. Aliran daripada firma ke sektor kerajaan adalah dalam bentuk pembayaran cukai seperti cukai pendapatan syarikat, cukai jualan, cukai eksport dan cukai import dalam lain-lain bentuk cukai yang diperkenalkan oleh kerajaan dari masa ke semasa.